

aab

Abdullah - Mahathir (Bergambar)  
DR MAHATHIR KE NEW YORK HADIRI PERHIMPUNAN AGUNG PBB

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berlepas ke New York minggu depan bagi mengetuai delegasi 25 anggota ke sesi ke-48 perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata Perdana Menteri, yang dijangka tiba di sana pada 28 Sept dijadual membuat ucapan penting pada 1 Okt dengan menyentuh pelbagai isu antarabangsa.

Ketika bercakap pada persidangan akhbar di Wisma Putra hari ini, Abdullah berkata: "Wisma Putra berpendapat perhimpunan agung PBB kali ini agak penting berikutan pelbagai isu terbaru pada peringkat antarabangsa seperti keadaan di Bosnia-Herzegovina dan Palestin, yang sudah tentu akan mendapat perhatian wakil."

Perkara-perkara lain yang dijangka turut diberi perhatian ialah isu alam sekitar dan hak asasi manusia, katanya.

Abdullah akan berlepas ke New York malam esok bagi menghadiri beberapa mesyuarat peringkat menteri seperti mesyuarat Menteri-Menteri G-15, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pergerakan Negara Berkecuali, G-77 dan Menteri-menteri Luar Asean sebelum perhimpunan agung. -- Lagi.

▼21/09/15-02MST

CNS2939

U GB 21-09 00119 BA095

aab

Abdullah - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Abdullah berkata beliau sendiri akan menyentuh pelbagai perkara pada perhimpunan kali ini seperti penyusunan semula PBB dan peranannya, terutama kegagalan Majlis Keselamatan melaksanakan resolusinya sendiri.

"Pada masa kini PBB seolah-olah kaku dan hanya mampu membuat resolusi tetapi tidak dapat melaksanakannya," katanya.

Masalah kewangan pertubuhan dunia itu serta kegagalan banyak negara, termasuk Amerika Syarikat, membuat sumbangan juga akan dibangkitkan.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia akan tetap menghantar pasukan tenteranya ke Bosnia walaupun keadaan kewangan PBB menjejaskan tabung pengaman pertubuhan itu dan sebarang masalah bayaran akan dikemukakan kepada sekretariat PBB kemudian.

Abdullah berkata Malaysia tidak mempunyai sebarang tunggakan bayaran sumbangan kepada PBB. -- Lagi.

▼21/09/15-04MST

CNS2940

U GB 21-09 00099 BA096

aab

Abdullah - Mahathir 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai mesyuarat-mesyuarat peringkat menteri yang akan dihadapinya, Abdullah berharap wakil PLO akan dapat membuat laporan terkini kepada negara-negara anggota OIC membabitkan rakyat Palestin berikutan perjanjian yang ditandatangani dengan Israel baru-baru ini.

Di samping itu, Abdullah juga berharap akan dimaklumkan mengenai persiapan yang dilakukan oleh kerajaan India, yang akan menjadi tuan rumah persidangan ketua-ketua kerajaan G-15 di New Delhi tahun depan, yang akan dihadiri oleh Dr Mahathir.

Perhimpunan agung PBB kali ini dijadualkan berlangsung sehingga 23 Dis. -- Bernama

JO NMO

▼21/09/15-05MST